



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**


**(Bagi Minggu 12/2022 dari 20 Mac hingga 26 Mac 2022)**


Pada minggu ke-12 tahun 2022, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan meningkat sebanyak 168 kes (28.4%) menjadikan jumlah kes 760 berbanding 592 kes pada minggu sebelumnya. Sebanyak satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada minggu ke-12 tahun 2022. Kumulatif kes demam denggi sehingga kini adalah sebanyak 8,124 kes berbanding 6,981 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan 1,143 kes (16.4%). Kumulatif kematian denggi terkini adalah empat (4) kematian berbanding tiga (3) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021, iaitu peningkatan satu (1) kes (33.33%) **(Lampiran A & C)**. Sebanyak 18 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 22 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 17 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan satu (1) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya. **(Lampiran B & D)**.

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak 14 kes pada minggu ke-12 dengan 13 kes dari WPKL & Putrajaya dan satu (1) kes dari Selangor. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 271 kes **(Lampiran E)**. Bagi survelan zika, sebanyak 373 sampel darah dan empat (4) sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Sempena bulan Ramadan yang bakal menjelang, masyarakat kebiasaannya akan mengunjungi tempat-tempat tumpuan awam seperti Bazar Ramadan, premis perniagaan dan sebagainya pada lewat petang iaitu sewaktu puncak gigitan nyamuk Aedes. Oleh itu, kaedah pencegahan untuk menghalang gigitan nyamuk seperti sapuan bahan repelan pada kulit serta pakaian yang menutup anggota tubuh perlu digunakan. Bahan repelan juga perlu digunakan oleh penduduk yang tinggal di kawasan wabak denggi bagi mengurangkan risiko penyebaran virus dalam kalangan penduduk di kejiranan melalui gigitan nyamuk Aedes yang infektif.

Selain itu, peniaga yang menjual di Bazar Ramadhan hendaklah menjaga kebersihan persekitaran serta melupuskan semua bekas-bekas potensi pembiakan seperti tempurung dan kulit kelapa, bekas-bekas makanan dan minuman dan lain-lain bekas di tempat pelupusan yang disediakan. Pelihara diri, keluarga dan masyarakat dari bahaya jangkitan demam denggi. Selamat Menyambut Bulan Ramadan. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


  
**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**5 April 2022**




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-11 dan ke-12 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-12 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2022, 2021 dan median 2017-2021



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-12 tahun 2022

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 12/2022**  
(20 Mac hingga 26 Mac 2022)

| Bil. | Negeri            | Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan |          |                                  |          | Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 12/2022 |          | Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 12/2021 |          |
|------|-------------------|---------------------------------------------|----------|----------------------------------|----------|------------------------------------------|----------|------------------------------------------|----------|
|      |                   | Minggu 12 (20 Mac – 26 Mac 2022)            |          | Minggu 11 (13 Mac – 19 Mac 2022) |          | Kes                                      | Mati     | Kes                                      | Mati     |
|      |                   | Kes                                         | Mati     | Kes                              | Mati     |                                          |          |                                          |          |
| 1    | Perlis            | 0                                           | 0        | 0                                | 0        | 6                                        | 0        | 3                                        | 0        |
| 2    | Kedah             | 18                                          | 0        | 15                               | 0        | 196                                      | 0        | 76                                       | 0        |
| 3    | P. Pinang         | 11                                          | 0        | 3                                | 0        | 100                                      | 0        | 127                                      | 0        |
| 4    | Perak             | 17                                          | 0        | 7                                | 0        | 146                                      | 0        | 159                                      | 0        |
| 5    | Selangor          | 543                                         | 0        | 400                              | 0        | 5,546                                    | 0        | 3,893                                    | 0        |
| 6    | WP KL & Putrajaya | 53                                          | 0        | 53                               | 0        | 655                                      | 0        | 764                                      | 0        |
| 7    | N. Sembilan       | 23                                          | 0        | 20                               | 1        | 260                                      | 1        | 188                                      | 1        |
| 8    | Melaka            | 7                                           | 0        | 8                                | 0        | 135                                      | 0        | 256                                      | 0        |
| 9    | Johor             | 27                                          | 0        | 20                               | 0        | 295                                      | 0        | 687                                      | 1        |
| 10   | Pahang            | 8                                           | 0        | 12                               | 0        | 92                                       | 0        | 166                                      | 1        |
| 11   | Terengganu        | 0                                           | 0        | 1                                | 0        | 13                                       | 0        | 15                                       | 0        |
| 12   | Kelantan          | 6                                           | 0        | 4                                | 0        | 67                                       | 1        | 78                                       | 0        |
| 13   | Sarawak           | 5                                           | 0        | 5                                | 0        | 154                                      | 1        | 114                                      | 0        |
| 14   | Sabah             | 42                                          | 1        | 44                               | 0        | 454                                      | 1        | 453                                      | 0        |
| 15   | WP Labuan         | 0                                           | 0        | 0                                | 0        | 5                                        | 0        | 2                                        | 0        |
|      | <b>MALAYSIA</b>   | <b>760</b>                                  | <b>1</b> | <b>592</b>                       | <b>1</b> | <b>8,124</b>                             | <b>4</b> | <b>6,981</b>                             | <b>3</b> |

## Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 12/2022  
(20 Mac hingga 26 Mac 2022)**

| NO | NEGERI   | DAERAH      | LOKALITI                                                              | BIL KES | TEMPOH WABAK (HARI) |
|----|----------|-------------|-----------------------------------------------------------------------|---------|---------------------|
| 1  | SELANGOR | Hulu Langat | Jalan Puncak 3 Taman Puncak Saujana                                   | 50      | 113                 |
| 2  | SELANGOR | Petaling    | E6. BL PJU 10 Apt Idaman Fasa 1 (A,B,C,H,J,K,L,M,N)                   | 30      | 85                  |
| 3  | SELANGOR | Petaling    | E5. Seksyen U5 (Pangsapuri Jasmin : Blok 1 - 6)                       | 16      | 75                  |
| 4  | SELANGOR | Petaling    | E13. USJ 2/5                                                          | 22      | 63                  |
| 5  | SELANGOR | Hulu Langat | Jalan KP 7-10 Taman Kajang Perdana                                    | 9       | 56                  |
| 6  | SELANGOR | Petaling    | E6. BL PJU 10 Apt Idaman Fasa 2 (D,E,F,G,O,P,Q,R,S)                   | 16      | 52                  |
| 7  | SELANGOR | Petaling    | E2. Seksyen 17 (Teres D : Jln 17/31 - 17/38)                          | 14      | 51                  |
| 8  | SELANGOR | Petaling    | E7. KD PJU 5 Sek 4 Gugusan Semarak                                    | 12      | 48                  |
| 9  | SELANGOR | Petaling    | E6. BL PJU 9 SD 8                                                     | 18      | 47                  |
| 10 | SELANGOR | Petaling    | E7. KD PJU 5 Sek 6 Gugusan Cempaka                                    | 6       | 46                  |
| 11 | SELANGOR | Petaling    | E13. USJ 11/2                                                         | 11      | 43                  |
| 12 | SELANGOR | Petaling    | E1. Seksyen 4 (Teres A : Jln 4/2 - 4/3)                               | 11      | 41                  |
| 13 | SELANGOR | Petaling    | E12. Tm PJS 3 Tmn Medan Baru (Teres 5) [Jln Medan 29,30,31,32]        | 21      | 40                  |
| 14 | SELANGOR | Petaling    | E9. KT SS 2 (4) [Jln SS 2/72,74,74a, 2/75-2/87,2/89,2/91, 2/93]       | 4       | 39                  |
| 15 | WPKL     | Cheras      | Kem Sg.Besi (Jalan Labuan) Blok G1,G2,G3                              | 6       | 39                  |
| 16 | SELANGOR | Hulu Langat | Jalan 1/3 Taman Prima Saujana                                         | 8       | 35                  |
| 17 | SELANGOR | Petaling    | E16. Tmn Puncak Jalil 2d (Jln PUJ 2/30 - 2/38)                        | 8       | 33                  |
| 18 | SELANGOR | Petaling    | E5. Seksyen U20 (Bukit Rahman Putra Teres H : Jln BRP 6/1 - BRP 6/12) | 6       | 31                  |

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 12/2022  
(DARI 20 MAC HINGGA 26 MAC 2022)**

| <b>Bil.</b> | <b>Negeri</b>     | <b>Jumlah Kes Chikungunya ME 12/2022</b> | <b>Jumlah Kes Chikungunya ME 12/2021</b> | <b>Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 12/2022</b> | <b>Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 12/2021</b> | <b>Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021</b> |
|-------------|-------------------|------------------------------------------|------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|
| 1           | Perlis            | 0                                        | 0                                        | 0                                                               | 0                                                               | 3                                                |
| 2           | Kedah             | 0                                        | 1                                        | 7                                                               | 57                                                              | 140                                              |
| 3           | P. Pinang         | 0                                        | 2                                        | 5                                                               | 11                                                              | 77                                               |
| 4           | Perak             | 0                                        | 4                                        | 4                                                               | 82                                                              | 180                                              |
| 5           | Selangor          | 1                                        | 12                                       | 57                                                              | 54                                                              | 339                                              |
| 6           | WP KL & Putrajaya | 13                                       | 0                                        | 123                                                             | 69                                                              | 490                                              |
| 7           | N. Sembilan       | 0                                        | 0                                        | 53                                                              | 0                                                               | 22                                               |
| 8           | Melaka            | 0                                        | 1                                        | 2                                                               | 13                                                              | 29                                               |
| 9           | Johor             | 0                                        | 6                                        | 2                                                               | 30                                                              | 97                                               |
| 10          | Pahang            | 0                                        | 0                                        | 1                                                               | 0                                                               | 0                                                |
| 11          | Terengganu        | 0                                        | 0                                        | 0                                                               | 0                                                               | 0                                                |
| 12          | Kelantan          | 0                                        | 0                                        | 17                                                              | 7                                                               | 55                                               |
| 13          | Sarawak           | 0                                        | 0                                        | 0                                                               | 0                                                               | 0                                                |
| 14          | Sabah             | 0                                        | 0                                        | 0                                                               | 0                                                               | 0                                                |
| 15          | WP Labuan         | 0                                        | 0                                        | 0                                                               | 0                                                               | 0                                                |
|             | <b>MALAYSIA</b>   | <b>14</b>                                | <b>26</b>                                | <b>271</b>                                                      | <b>323</b>                                                      | <b>1,432</b>                                     |